



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 OKTOBER 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---------------------------------------|
| 1. 2. | PESONA IKAN LAGA SEBAGAI AQUA TERAPI, GAYA AGRO, UM -24 DAFTAR DENGAN JABATAN PERIKANAN NEGERI, AGRO GAYA, UM -25 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3. 4. | AGROBANK LULUS 9,101 PERMOHONAN BANTUAN R&R, EKONOMI, UM -35 AGROBANK LULUS 9,101 PERMOHONAN UNTUK R&R, NIAGA, KOSMO -37 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Pesona ikan laga sebagai aqua terapi

Oleh SAFINA RAMLI
gayautusan@mediamuka.com.my

AWAS apabila bertemu dengan pesaing daripada spesies sama. Walaupun dalam bekas akuarium berasingan sirip dan ekor ikan laga akan segera mengembang menandakan ia bersedia beradu tenaga.

Lantas terpamerlah kecantikan dirinya hingga dipuja ramai peminat ikan laga di negara ini. Dahulunya ikan ini merupakan antara spesies yang menjadi mainan anak-anak kampung, namun kini ia menjadi pilihan ramai



IKAN laga cantik dan menarik.



BUIH dihasilkan ikan laga untuk dijadikan tempat penetasan telur.

memandangkan terdapat pelbagai jenis ikan yang cantik, hasil daripada proses kacukan sehingga menghasilkan spesies lebih cantik.

Ikan laga atau natna saintifiknya *betta splendens* dalam keluarga *Anabantidae* (*Labyrinth Fishes*) menjadi buruan peminat ikan hiasan

kerana mudah dijaga dan boleh dikategorikan sebagai ikan hiasan tahan lasak.

Pelbagai spesies ikan laga kini mudah didapati namun spesies seperti *halfmoon*, *single tail*, *halfmoon double tail*, *halfmoon plakot* dan *crowntail* menjadi antara yang diburu peminat. Berpengalaman sebagai



HASFANIZAM Hamdan menunjuki

penternak ikan laga sejak berusia belasan tahun lagi, Hasfanizam Hamdan, 35, merupakan siswazah Ijazah Kewangan daripada Universiti Teknologi Mara (UTM) kini tidak menoleh ke belakang lagi memandangkan prospek perniagaan ikan laga kini semakin berkembang.

NIAGA DI TAPAK EKSPLO

Dia yang dahulunya berniaga di tapak ekspo, di rumah dan secara dalam talian mengorak langkah dengan membuka kedai haiwan peliharaan, Hasfa Pets House di Lintang Sungai Batu,



HASFANIZAM memproses undang kering sebagai makanan anak ikan laga.

IKAN laga memiliki peminat tersendiri kerana rupanya yang cantik selain tahan lasak.





an anugerah yang dinenangi. - UTUSAN/AMIR ISYAD OMAR

Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Cabaran awal dihadapi ketika memulakan perniagaan menjual dan menternak ikan laga itu adalah untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap ikan laga.

"Ikan laga dikaitkan dengan kegiatan perjudian dan sehingga kini stigma negatif ini masih ada.

"Bagaimanapun ia mempunyai reputasi tinggi dan dianggap sebagai medium aqua terapi bagi menghilangkan stres kepada manusia.

"Perkara ini juga yang saya mahu perkenalkan

kepada peminat ikan laga dan masyarakat kita iaitu ikan laga sebagai terapi stres kepada masyarakat," katanya ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, selain orang dewasa, peminat ikan laga ini juga terdiri daripada kanak-kanak dan dia menawarkan ikan laga dengan serendah RM10.

"Semasa bernaik ikan laga kepada kanak-kanak saya sering memberi penekanan kepada aspek tanggungjawab dan disiplin dalam memastikan ikan laga mereka terjaga dengan baik.

"Ikan laga ini selain menjadi



Ikan laga dahulunya dikaitkan dengan kegiatan perjudian dan sehingga kini stigma negatif ini masih ada."

HASFANIZAM HAMDAN

terapi stres, ia juga boleh membantu mendidik kanak-kanak menjadi lebih penyayang dan berdisiplin," katanya.

IKAN LASAK

Ikan laga adalah spesies ikan air tawar lasak dan mudah dijaga namun ia sensitif dengan keadaan air.

Katanya, ikan laga peliharaan yang pernah sampai ke Jerman menerusi pos ketika menyertai pertandingan *International Betta Competition 2010*.

"Ia tiba dalam keadaan elok dan masih hidup ketika sampai ke tangan juri pertandingan berkenaan," katanya.

Pada masa ini katanya, dia mempunyai pusat penternakan ikan laga yang dikongsi bersama rakannya di Batu Maung.

"Di sana terdapat kira-kira 50 spesies ikan laga dan pada masa ini jumlah anak ikan laga yang ada di pusat berkenaan adalah sekitar 3,000 ekor.

"Saya juga sering mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan bagi memantapkan ilmu dalam bidang perternakan ikan laga," katanya.

Hasfanizam berkata, penternak ikan laga di kawasan pulau di Pulau Pinang berdepan masalah kesukaran mendapatkan bekalan mikroorganisma akuatik yang dinamakan *moira* yang menjadi makanan utama ikan berkenaan.

"Di dalam kawasan pulau, kita kekurangan tali air dan kawasan paya yang menjadi habitat *moira*.

"Jadi sumber alternatif yang saya beri ikan ini makanan adalah Artemia namun masalahnya harganya agak mahal kerana perlu diimport dari Amerika Syarikat," katanya.

Beliau bernaik baik kerana mendapat bantuan makanan ikan laga daripada Jabatan Perikanan Pulau Pinang.

"Bantuan itu meringankan beban dan menyemarakkan lagi industri ikan laga di negeri ini.

"Saya berazam untuk melihat setiap sebuah rumah di Malaysia mempunyai seekor ikan laga," katanya.



Daftar dengan Jabatan Perikanan negeri

PENGUSAHA ikan laga di negeri ini disaran agar berdaftar dengan Jabatan Perikanan negeri bagi memudahkan urusan penyimpanan data serta penyaluran bantuan.

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar berkata, setakat ini hanya 35 pengusaha dan pembiaik ikan laga yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan beliau yakin terdapat lebih ramai lagi pengusaha yang masih belum mendaftarkan.

"Sejak akhir-akhir ini kita lihat potensi ikan laga semakin berkembang pesat di negeri ini dan kita bersedia untuk menyalurkan bantuan kepada mereka dari segi input, bantuan makanan ikan, kursus dan sebagainya.

"Namun masih ramai yang belum mendaftarkan, jadi saya mengambil peluang ini untuk menyeru mereka agar berdaftar dengan Jabatan Perikanan agar kita dapat rekod dan data-data mereka supaya potensi ikan laga di negeri ini dapat dikembangkan lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, tahun lalu, menerusi rekod Jabatan Perikanan, pengeluaran ikan laga di negeri ini mencapai 214,707 ekor dengan nilai mencecah RM901,164.

"Kita yakin pada tahun ini, jumlahnya semakin meningkat namun masih




NORAISYAH ABU BAKAR

ramai pengusaha yang tidak berdaftar dengan kita sedangkan pendaftaran adalah percuma," katanya.

Tambahnya, bagi kemudahan para pengusaha mempromosi ikan laga mereka, sebuah bangunan khas di dalam kawasan Jabatan Perikanan Negeri di Gelugor telah disediakan sebagai lokasi pertandingan ikan laga.

"Kita sediakan lokasi ini secara percuma kerana ada pengusaha yang memaklumkan mereka susah mencari tapak untuk menganjurkan pertandingan.

"Kita sediakan bangunan siap dengan kelengkapan seperti rak, lampu dan sebagainya sebagai salah satu usaha membantu pengusaha ikan laga di negeri ini," katanya.



AIR tidak sesuai boleh mengakibatkan ikan laga mudah mati.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|---------|------------|
| 27/10/2020 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 35 |

Agrobank lulus 9,101 permohonan bantuan R&R

KUALA LUMPUR: Agrobank mengumumkan telah meluluskan 9,101 permohonan untuk penstrukturan dan penjadualan semula (R&R) merangkumi permohonan daripada pelanggan komersial, pengguna dan mikro yang memohon sokongan kewangan tambahan meredakan aliran tunai akibat Covid-19.

Pemangku Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, institusi perbankan itu terus komited memberikan sokongan kepada pelanggan dengan menawarkan bantuan pembayaran balik dan menerima permohonan sehingga Jun 2021 bagi pelanggan yang masih menghadapi kesukaran membayar ansuran bulanan.

Katanya, semua pelanggan yang menerima sebarang bantuan kewangan tidak akan mempengaruhi status Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) masing-masing.

“Oleh kerana Agrobank menyediakan pembiayaan di sepanjang rantai nilai pertanian, maka kami menyediakan bantuan kewangan kepada individu, mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pelanggan korporat.

“Kami juga menyarankan supaya pelanggan berhubung dengan pegawai mengenai pilihan yang ada atau sekiranya mereka tidak pasti apa yang harus dilakukan selanjutnya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Khadijah turut mengulang visi Agrobank untuk memperkasa pertanian melangkaui perbankan apabila secara proaktif berhubung dengan pelanggan melalui pelbagai inisiatif seperti bimbingan perniagaan dalam talian, webinar, klinik perniagaan dan forum.

Agrobank lulus 9,101 permohonan untuk R&R

KUALA LUMPUR - Agrobank telah meluluskan sebanyak 9,101 permohonan untuk penstrukturan dan penjadualan semula (R&R) bagi kemudahan pembiayaan daripada pelanggannya.

Penanggung Tugás Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, ia merangkumi permohonan daripada pelanggan komersial, pengguna dan mikro yang memohon sokongan kewangan tambahan untuk meredakan aliran tunai

impak daripada penularan wabak Covid-19.

"Agrobank terus komited untuk memberikan sokongan kepada pelanggan kami dalam waktu yang mencabar ini.

"Bagi pelanggan yang masih menghadapi kesukaran untuk membayar ansuran bulanan mereka, Agrobank akan terus menawarkan bantuan pembayaran balik dan menerima permohonan sehingga Jun 2021," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Khadijah menjelaskan, sebarang bantuan kewangan yang diambil tidak akan mempengaruhi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat mereka.

Agrobank menyarankan agar pelanggannya tampil menyusun semula atau menjadualkan semula kemudahan pembiayaan mereka sebagai penyelesaian jangka panjang selepas tamat tempoh pelaksanaan moratorium.

Sehingga hari ini, bank telah meluluskan semua permohonan

lanjutan moratorium.

"Oleh kerana Agrobank menyediakan pembiayaan di sepanjang rangkaian nilai pertanian, maka kami menyediakan bantuan kewangan kepada individu, mikro, perusahaan kecil sederhana (PKS) dan juga pelanggan korporat.

"Kami juga menyarankan agar pelanggan untuk berhubung dengan pegawai kami mengenai pilihan yang ada jika mereka tidak pasti apa yang harus dilakukan selanjutnya," ujar beliau.